



27 APR, 2025

Kerajaan bina kolam takungan air pelbagai guna tangani banjir

Berita Harian Ahad, Malaysia



Kerajaan bina kolam takungan air pelbagai guna tangani banjir

Usaha mitigasi sebagai langkah kurangkan kerugian akibat bah

London: Kerajaan mengambil pendekatan membina kolam takungan air pelbagai guna sebagai antara usaha mitigasi banjir dalam negara, sekali gus mengurangkan kerugian akibat bencana alam, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Fadillah, yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata menerusi pembinaan kolam takungan sedemikian, ia bukan sahaja akan menakung jumlah air hujan yang banyak, tetapi juga digunakan sebagai simpanan apabila musim kemarau.

"Kolam takungan ini akan digunakan sebagai simpanan air apabila berlaku kemarau memastikan kita mempunyai sumber air. Air ini boleh diproses untuk bekalan pelbagai kegunaan sama ada untuk minuman, pertanian, industri dan sebagainya. Inilah antara pendekatan sedang kita laksanakan," katanya ketika berucap pada majlis makan malam dan ramah mesra bersama rakyat Malaysia di United Kingdom (UK) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London, di sini, kelmarin.

Majlis itu dihadiri seramai 80 pelajar, kakitangan syarikat berkaitan kerajaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia London.

Turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK dan Ireland Utara Datuk Zakri Jaafar, Ketua Pegawai Tenaga Baharu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Mohd Zarihi Mohd Hashim; Ketua Pe-



Fadillah bersama Zakri (berdiri dua dari kiri) beramah mesra bersama tetamu pada majlis makan malam dan ramah mesra bersama rakyat Malaysia di United Kingdom (UK) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London, kelmarin. (Foto BERNAMA)

gawai Eksekutif Kumpulan Sarawak Energy Berhad, Datuk Sharbini Suhaili serta delegasi dari Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Timbalan Perdana Menteri tiba di sini dari Turkiye pada Rabu lalu untuk lawatan kerja tiga hari. Sebelum itu turut menunaikan solat Jumaat bersama komuniti Islam di Malaysia Hall.

Beliau sebelum itu mengetahui delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Mengenai Masa Depan Keselamatan Tenaga di Lancaster House di sini, berlangsung dua hari bermula kelmarin.

Fadillah berkata, mitigasi banjir perlu dilaksanakan segera kerana perubahan iklim ketara ketika ini memberi kesan kepada cuaca di Malaysia seterusnya mengakibatkan pelbagai bencana alam termasuk banjir berpunca daripada hujan lebat.

"Fokus utama sekarang ialah

mitigasi banjir disebabkan perubahan iklim. Ribut petir, angin kuat dan sebagainya menyebabkan jumlah air hujan yang turun dalam satu hari boleh menyamai jumlah hujan sebulan. Ada tempat tidak pernah banjir kini dilanda banjir.

"Kita perlu memastikan dapat mengurangkan kesan banjir kepada rakyat, kesan kerugian dari segi kewangan bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga kepada negara kerana pernah berlaku banjir besar yang menyebabkan kerugian RM3 bilion termasuk kos pemulihan dan sebagainya," katanya.

Perkukuh kerjasama ASEAN

Sementara itu, Fadillah berkata, Grid Tenaga ASEAN (APG) menjadi tonggak yang boleh memperkukuh jalinan kerjasama antara anggota perkumpulan itu.

Katanya, berdasarkan kepen-

tingan kerjasama itu, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN tahun ini akan menumpukan usaha bagi merealisasikan APG seterusnya meningkatkan keterjaminan, akses dan kemampuan tenaga di rantau ini.

Mengambil contoh letupan gas di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April lalu, Fadillah berkata insiden itu menyebabkan saluran gas terpaksa ditutup sehingga menjejaskan orang ramai dan industri.

Bagaimanapun, hasil hubungan baik dengan Thailand, negara jiran itu membekalkan gas kepada Malaysia seterusnya dapat menampung dan mengurangkan kesan kepada kira-kira 200 industri dan pengguna.

"Orang melihat kejadian itu di situ sahaja tetapi kesannya sampai ke utara. Gas dari selatan tidak sampai (di sana) disebabkan aliran paip gas terpaksa ditutup

kerana kalau tidak, ia (letupan) akan merebak ke tempat lain.

"Kita berterima kasih kepada Thailand kerana menghulurkan bantuan," katanya.

Fadillah berkata, bantuan diberikan Thailand itu jelas membuktikan APG sangat diperlukan oleh negara anggota ASEAN terutama jika berlaku kejadian tidak diingini.

"Misalnya Vietnam, Indonesia dan Laos mempunyai angin yang kuat dan boleh mendapat sumber tenaga daripada angin.

"Bagaimanapun, ada masa jika mereka kekurangan angin untuk menghasilkan tenaga, negara anggota lain akan membantu. Ini menunjukkan jika kita dapat bekerjasama secara serantau, ia dapat menjamin bekalan tenaga mencukupi dan pada kadar mampu dibiayai. Inilah (APG) yang kita rencanakan" katanya. BERNAMA